



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 6, Issue 3, March 2021

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocsciences.com

Penterjemahan Makna Unsur Budaya dalam Novel Arab “Saa’ah Baghdad: Riwayah” ke dalam Bahasa Inggeris melalui Aplikasi e-Translasi Google

Arnida A Bakar¹, Lubna Abd Rahman¹

¹Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Correspondence: Lubna Abd Rahman (lubna@usim.edu.my)

Abstrak

Kajian ini memfokuskan penterjemahan makna unsur budaya dalam novel Arab yang bertajuk “*Saa’ah Baghdad: Riwayah*” ke bahasa Inggeris melalui aplikasi e-Translasi Google. Budaya dimiliki oleh masyarakat tertentu dan dipraktikkan daripada satu generasi kepada generasi yang lain dalam satu kelompok manusia berdasarkan tempat dan situasi. Budaya mempunyai kaitan dengan norma serta tatacara hidup dan bahasa yang dipertuturkan dalam masyarakat tersebut. Unsur budaya yang terbahagi kepada budaya kebendaan (material) dan budaya bukan kebendaan (bukan material). Bagi penterjemahan makna unsur budaya tersebut, selalunya berlaku kesulitan dan cabaran yang dihadapi bagi mendapatkan kesepadanan makna kata budaya tidak kira sama ada oleh penterjemah itu sendiri mahupun mesin yang mengendalikan terjemahan atau aplikasi e-Translasi seperti Google Translate (GT). Kesukaran ini disebabkan oleh jurang serta kelainan budaya dan bahasa yang wujud antara teks sumber dan teks sasaran. Faktor inilah yang mendorong pengkaji untuk melakukan kajian berkaitan unsur budaya antara dua bahasa. Oleh itu, objektif kajian ini adalah menelusuri penterjemahan makna unsur budaya yang dilakukan oleh Google Translate dalam novel Arab “*Saa’ah Baghdad: Riwayah*” ke bahasa Inggeris. Kajian turut meninjau pendekatan terjemahan yang digunakan oleh aplikasi tersebut bagi membekalkan makna yang dikehendaki dan mencadangkan penambahbaikan yang boleh menjelaskan lagi mesej yang hendak disampaikan ke dalam bahasa sasaran. Kajian menganalisis sampel unsur budaya terpilih berdasarkan kategori yang diketengahkan oleh Newmark (1988) serta berpandukan kamus atas talian (*almany* dan Merriam-Webster) bagi mendapatkan ketepatan maksud yang dikehendaki. Kajian mendapati aplikasi e-Translasi Google menghadapi kesukaran dalam menterjemah makna unsur budaya dengan baik, di samping berlaku penyelewengan makna dalam membekal dan menyalurkan maklumat ke dalam bahasa sasaran. Kajian ini menyumbang kepada perkembangan disiplin terjemahan dengan mengenal pasti permasalahan yang dihadapi yang dikendalikan oleh Google Translate, terutamanya dalam terjemahan unsur budaya. Kajian ini diharap dapat membantu pengkaji dalam bidang penterjemahan khususnya berkaitan elemen budaya dan terjemahannya antara dua bahasa.

Kata kunci: unsur budaya, aplikasi e-Translasi, google translate, novel Arab, bahasa Inggeris

The translation of Cultural Elements in the Arabic Novel “Saa’ah Baghdad: Riwayah” into English via Google e-Translation

Abstract

This study focuses on the translation of cultural elements in the Arabic novel entitled “*Saa’ah Baghdad: Riwayah*” into English via the application of Google e-Translation. Culture is owned by a

particular society and practiced from one generation to another in a group of people based on place and situation. Culture has to do with the norms as well as the way of life and the language spoken in the society. Cultural elements are divided into material culture and non-material culture. As for the translation of the cultural elements, there are often difficulties and challenges faced to get an equivalent meaning of a cultural word whether by the translator himself or machine that handles translation or e-Translation such as Google Translate (GT). This difficulty is due to the cultural and linguistic differences that exist between the source text and the target text. It is this factor that drives researchers to conduct studies related to cultural elements between two languages. Therefore, the objective of this study is to discover the translation of cultural elements done by Google Translate (GT) in the Arabic novel "*Saa'ah Baghdad: Riwayah*" into English. The study also reviews the translation approaches used by GT to convey the meanings of the elements and suggests improvements that can further explain the message to be transferred into the target language. The selected cultural elements were analyzed based on Newmark's cultural categories (1988) as well as by referring to the online dictionaries such as *Almaany* and Merriam-Webster dictionary to ensure the accuracy of the translation. The study found that the Google e-Translations has difficulty in producing equivalent meaning of the cultural elements. In addition, it is found that the translation of the cultural elements from the source language into the target language is occasionally deviated from their exact meanings. This study contributes to the development of translation discipline by identifying the problems encountered by Google Translate in translating cultural elements. It is hoped that this study will help researchers in the field of translation, especially related to cultural elements and their translation between two languages.

Keywords: cultural elements, e-Translation applications, google translate, Arabic novels, English language

Pengenalan

Penterjemahan memindahkan mesej yang terkandung dalam bahasa sumber kepada bahasa sasaran dengan baik dan jelas. Aktiviti ini turut meliputi budaya yang melatari teks sumber tersebut. Oleh itu, bahasa dan budaya dilihat mempunyai peranan penting yang perlu diberi penekanan oleh penterjemah khususnya apabila maksud yang terkandung dalam teks sumber hendak disampaikan dengan cara berkesan dan tidak kabur ke dalam teks sasaran. Antara yang menjadi isu dalam proses menterjemah adalah melibatkan unsur budaya yang mengandungi pemikiran serta tatacara hidup masyarakat tertentu (Ika & Rohaidah, 2018).

Selain itu, pemilihan *Google Translate* (GT) sebagai contoh alat bantuan untuk menterjemah turut menjadi sebahagian daripada isu dalam penterjemahan antara dua bahasa. Hal ini kerana pada keadaan tertentu, mesin terjemahan berasaskan internet atau e-Translasi ini ada kekurangannya. Ini dapat dilihat khususnya apabila berhadapan dengan situasi yang melangkaui kemampuan yang apa padanya. Sebagai contoh, dalam menterjemah makna unsur budaya, *Google Translate* (GT) mempunyai kekangan dalam mengenal pasti makna yang tepat dan betul untuk dibekalkan ke dalam bahasa sasaran, di samping terdapat terjemahan yang dihasilkan tidak mencerminkan makna seperti yang dikehendaki oleh teks sumber (Furqanul & Kosadi, 2019).

Unsur budaya pula secara umumnya terbahagi kepada dua bentuk iaitu budaya kebendaan (material) dan budaya bukan kebendaan (bukan material). Makna yang terkandung dalam suatu unsur budaya perlu difahami dengan jelas supaya mesej yang hendak disampaikan dalam budaya bahasa sumber mempunyai kesan yang sama seperti yang diperolehi dalam teks sasaran. Oleh itu, menjadi tanggungjawab penterjemah sama ada manusia mahupun e-Translasi untuk memastikan makna unsur budaya ini dapat dikendalikan dengan baik dari satu bahasa kepada bahasa yang lain yang sudah tentu wujud jurang dan perbezaan budaya antara keduanya. (Cho & Puteri Roslina, 2016).

Objektif kajian ini adalah menelusuri penterjemahan makna unsur budaya yang dilakukan oleh aplikasi e-Translasi *Google* iaitu *Google Translate* (GT) dalam novel Arab terpilih iaitu "*Saa'ah*

Baghdad: Riwayah” yang dinukilkan oleh Shahad al-Rawi. Kajian turut meninjau pendekatan terjemahan yang digunakan oleh aplikasi tersebut bagi membekalkan makna yang dikehendaki, di samping mencadangkan penambahbaikan bagi menjelaskan lagi mesej yang hendak disampaikan ke dalam bahasa sasaran.

Sorotan Literatur

Teks sumber yang dilatari oleh budaya masyarakat tertentu harus ditangani dengan baik apabila melibatkan kerja penterjemahan. Hal ini kerana penterjemahan budaya yang terdiri daripada elemen seperti agama, sosial dan linguistik (Nida, 1975; Newmark, 1988; Hasan, 2015) mempunyai cabaran dan kesulitan tersendiri disebabkan oleh perbezaan yang wujud antara keduanya iaitu budaya teks sumber dan budaya teks sasaran. Bahasa yang menjadi sebahagian daripada budaya turut menyumbang kepada kerumitan dan masalah dalam aktiviti penterjemahan. Dalam erti kata lain, penterjemahan makna budaya tidak hanya tertakluk kepada pencarian padanan satu lawan satu sahaja, malahan ia menjangkau kaedah tersebut untuk memastikan mesej serta maksud yang terkandung dalam unsur budaya tersebut dapat disalurkan kepada pembaca teks sasaran dengan baik. Ini dapat dikenal pasti melalui penterjemahan seperti idiom dan peribahasa yang bersifat abstrak dan mengandungi perbezaan budaya antara bahasa sumber dan bahasa sasaran (Puteri Roslina, 2012).

Apabila penterjemah sedar dan dapat mengendalikannya dengan baik, maka tercapailah objektif penterjemahan tersebut iaitu menghubungkan dan merapatkan jurang budaya antara keduanya disebabkan kelainan yang wujud yang tidak dapat dielakkan. Sebagai contoh, ungkapan Arab “لكل جواد كيوّة” apabila diterjemahkan melalui *Google Translate* (GT) ke dalam bahasa Inggeris iaitu “*every horse has a stumbling block*” telah menyimpang daripada maksud sebenar dalam teks sumber. Mesej yang terkandung dalam ungkapan Arab tersebut adalah “sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga”, atau dalam bahasa Inggerisnya yang mempunyai kesepadanan makna iaitu “*curses, like chickens, come home to roost*”. Inilah kelemahan *google translate* (GT) yang di luar kemampuannya untuk membekalkan kesepadanan makna bagi teks sasaran.

Pelbagai jenis alat bantu terjemahan diaplikasikan bagi melancarkan kerja penterjemahan. Mesin terjemahan berasaskan internet atau e-translasi seperti *Google Translate* (GT) adalah salah satu platform yang membantu kerja terjemahan dengan syarat mempunyai jaringan internet yang mudah diakses dan pantas liputannya. Selain itu, antara kelebihan adalah perkhidmatan yang ditawarkan secara percuma serta simpanan data berbentuk koleksi perkataan dalam pelbagai bahasa yang diperoleh secara automatik (Nur Naimah & Harun, 2016; Mohamad Nor Amin & Naimah, 2011; Imran, 2003). Oleh itu, dengan adanya *Google Translate* (GT), penterjemahan dapat dilakukan dengan cepat tanpa perlu merujuk kepada kamus bercetak seperti istilah dan tesaurus kerana secara umumnya semua ini sudah tersedia secara spontan.

Namun, *Google Translate* (GT) mempunyai kekangannya dalam membekalkan ketepatan makna pada terjemahan unit bahasa iaitu perkataan, frasa, klausa, ayat dan teks. Isu yang sering timbul berkaitan e-Translasi ini berkisar tentang pemilihan makna leksikal mengikut konteks. Ada situasi yang mana *Google Translate* (GT) menterjemah secara literal dan menyimpang daripada makna yang dimaksudkan dalam teks sumber. Begitu juga dengan keterbatasannya dalam menterjemah unsur budaya antara dua bahasa yang memerlukan ketelitian dan pengetahuan latar budaya yang lazimnya dimiliki oleh penterjemah manusia (Nurul Syafiqah & Wan Rose, 2018). Apa yang pasti, ketepatan *Google Translate* (GT) dalam memberi padanan kepada unit bahasa dan unsur budaya perlu diteliti dan diperhalusi bagi mengelakkan berlakunya ketidaktepatan dan kegagalan dalam hasil terjemahan (Lubna & Arnida, 2018).

Metod Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif dan menumpukan kepada bentuk deskriptif dengan melakukan analisis kandungan dokumen. Korpus kajian adalah novel berbahasa Arab karangan Shahad al-Rawi yang

bertajuk “Saa’ah Baghdad: Riwayat”. Sebanyak sepuluh contoh data unsur budaya daripada kategori yang pelbagai berdasarkan apa yang digariskan oleh Newmark (1988) dikenal pasti dan diketengahkan dalam kajian ini, iaitu:

- a) ekologi: merujuk kepada kepelbagaian variasi geografi dan muka bumi sesuatu kawasan seperti padang pasir, hutan hujan tropika dan empat musim, di samping flora dan fauna seperti sawah padi dan dhab (biawak padang pasir).
- b) bahan budaya atau artifak: merujuk kepada makanan seperti ketupat dan rendang, pakaian seperti kimono, tempat tinggal seperti igloo (rumah atau pondok salji) dan pengangkutan seperti kereta lembu.
- c) budaya sosial: merujuk kepada pekerjaan seperti penenun songket dan pelukis batik serta aktiviti masa lapang seperti bermain sepak takraw dan bersilat.
- d) organisasi, adat, aktiviti, tatacara dan konsep: merujuk kepada sistem politik dan pentadbiran seperti presiden dan ketua panitia (sekolah), kepercayaan dan agama seperti Hari Gawai dan sembelihan binatang korban serta kesenian seperti tarian mak yong dan zapin.
- e) gerak laku dan tabiat: merujuk kepada ciri perlakuan yang menjadi amalan masyarakat tertentu seperti merendahkan sedikit anggota badan ketika melintas di hadapan orang yang lebih tua sebagai tanda hormat dan tidak sendawa kuat di khalayak ramai kerana tidak sopan

Walau bagaimanapun, daripada lima kategori yang diutarakan oleh Newmark, hanya tiga kategori sahaja yang diberikan fokus utama dalam analisis dokumen ini iaitu pertama; bahan budaya atau artifak, kedua; budaya sosial dan ketiga; organisasi, adat, aktiviti, tatacara serta konsep, kerana mempunyai kaitan ketara dan hubungan rapat dengan objektif kajian dalam korpus kajian terpilih. Data yang diperolehi pula adalah berdasarkan kepada pencarian mengikut tema kategori yang ditetapkan.

Manakala analisis teks sasaran tertumpu kepada penterjemahan makna unsur budaya terpilih ke dalam bahasa Inggeris dengan menggunakan aplikasi e-Translasi *Google*, iaitu aplikasi *Google Translate* (GT), bertujuan meninjau ketepatan penterjemahan makna unsur tersebut. GT dipilih dalam kajian ini kerana paling mudah didapati dan dilayari serta tersedia secara percuma dalam internet. Ia juga menjadi pilihan popular dalam kerja terjemahan kerana kepantasannya dalam membekalkan makna pada peringkat permulaan sebelum proses seterusnya iaitu suntingan dan pembacaan prof. Rujukan daripada kamus dalam talian iaitu Merriam Webster dan *Almaany* turut diguna pakai untuk mendapatkan kepastian dari sudut makna unsur budaya terpilih. Cadangan terjemahan juga diberikan bagi tujuan penambahbaikan dan kesan pembacaan.

Hasil Kajian

Berdasarkan kepada sepuluh contoh unsur budaya yang diperolehi daripada teks sumber, kajian mengenal pasti kesemua data tersebut mewakili tiga kategori utama unsur budaya yang terlibat. Kategori yang dimaksudkan ini adalah berdasarkan pembahagian unsur budaya utama yang diketengahkan oleh Newmark.

Bahan Budaya atau Artifak

Bahan budaya atau artifak yang diklasifikasikan sebagai budaya kebendaan merangkumi barang kegunaan masyarakat tertentu dan mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Ini dapat dizahirkan menerusi makanan, pakaian, tempat tinggal dan lain-lain.

Pakaian

Jadual 1 menunjukkan terjemahan makna bagi **عباءتها السوداء** iaitu **her black cloak** yang dilakukan oleh aplikasi *Google Translate*. Apa yang berlaku ialah unsur budaya pakaian ini diterjemahkan secara

literal. Merujuk kepada kamus dalam talian Merriam-Webster, cloak bermaksud *a loose outer garment*. Terdapat padanan makna yang lebih bertepatan dengan konteks petikan di atas untuk menjelaskan maksud *عباءتها السوداء*, iaitu *Abaya* yang bererti *a loose-fitting full-length robe worn by some Muslim women* (Merriam-Webster). *عباءة* dalam *almaany* juga membawa maksud yang lebih jelas iaitu pakaian wanita yang longgar, besar dan panjang.

Oleh itu, penulis berpandangan bahawa terjemahan *عباءتها السوداء* kepada **black abaya** dilihat lebih mencerminkan maksud yang dibawa oleh teks sumber apabila dipindahkan kepada teks sasaran dan lebih menepati makna terjemahan unsur budaya pakaian ini. Terjemahan seumpama ini juga dilihat dapat mengekalkan unsur budaya bahasa sumber dalam teks sasaran. Hal ini kerana perkataan *Abaya* lebih dikenali dalam budaya Arab.

Jadual 1: Pakaian

No	Teks sumber	Teks sasaran (Google Translate)
1	أما جدتها، فهي نائمة كل الوقت، وتغطي وجهها بعباءتها السوداء، هذا أحمد وأمه وأبوه لم يأت معهما لأنه شهيد.	As for her grandmother, she is sleeping all the time and covers her face with her <u>black cloak</u> . This is Ahmad, his mother and his father did not come with them because he is a martyr.

Budaya Sosial

Budaya sosial merangkumi aktiviti hidup seharian masyarakat tertentu yang terdiri daripada pekerjaan, permainan, riadah dan lain-lain.

Perayaan

Jadual 2 menunjukkan terjemahan makna bagi *العيد* iaitu **Eid** yang dilakukan oleh aplikasi *Google Translate*. Apa yang berlaku ialah unsur budaya sosial ini iaitu perayaan diterjemahkan dengan pendekatan **peminjaman**. Merujuk kepada kamus *almaany* dalam talian, *العيد* bermaksud hari yang dirayakan bersempena peristiwa yang berkaitan dengan keagamaan serta bagi meraikan orang tersayang. Perkataan Eid yang diterjemahkan oleh *Google Translate* boleh diberi perluasan makna iaitu **Eid (merupakan sambutan perayaan oleh masyarakat Islam khususnya bersama dengan kaum keluarga)** dalam teks sasaran. Ini membantu dalam menyampaikan maksud yang terkandung dalam teks sumber apabila dipindahkan kepada teks sasaran, di samping menepati terjemahan unsur budaya sosial ini iaitu perayaan dengan lebih berkesan dan jelas.

Jadual 2: Perayaan

No	Teks sumber	Teks sasaran (Google Translate)
2	في العيد، ذهبت نادية عند بيت خالتها، وذهبت أنا مع أهلي عند بيت عمتي.	On Eid, Nadia went to her aunt's house, and I went with my family to my aunt's house

Seni-Cerita Rakyat

Jadual 3 menunjukkan terjemahan makna bagi *السندباد* iaitu **Sinbad** yang dilakukan oleh aplikasi *Google Translate*. Apa yang berlaku ialah unsur budaya sosial iaitu cerita rakyat ini diterjemahkan secara **peminjaman**. Merujuk kepada kamus dalam talian Merriam-Webster, Sinbad bermaksud *a citizen of Baghdad whose adventures at sea are told in the Arabian Nights' Entertainments*. *السندباد*

dalam *almaany* juga membawa maksud yang lebih jelas iaitu *Arabian Nights: Sinbad's Adventures*. Oleh itu, terjemahan Sinbad boleh diberikan perluasan makna iaitu **Sinbad (siri cerita pengembaraan Arab)** supaya lebih mencerminkan maksud yang dibawa oleh teks sumber apabila dipindahkan kepada teks sasaran, di samping menepati terjemahan unsur budaya sosial iaitu cerita rakyat ini.

Jadual 3: Cerita Rakyat

No	Teks sumber	Teks sasaran (Google Translate)
3	ضحكنا من مروة، لأنها تظهر خلف كتف أحمد مثل ياسمينة في مسلسل السندباد	We laughed at Marwa, because she appears behind Ahmed's shoulder as Yasmina in the series <u>Sinbad</u>

Upacara-Perarakan

Jadual 4 menunjukkan terjemahan makna bagi *القافلة* iaitu **convoy** yang dilakukan oleh aplikasi *Google Translate*. Didapati bahawa unsur budaya sosial iaitu upacara ini diterjemahkan secara **literal**. Merujuk kepada kamus dalam talian Merriam-Webster, *convoy* bermaksud *a group convoyed or organized for convenience or protection in moving*. Terdapat makna yang lebih menjelaskan maksud *القافلة* dalam teks sumber iaitu **procession** yang bererti *a number of people or vehicles moving forward in an orderly fashion, especially as part of a ceremony* (Merriam-Webster). Oleh itu, penulis berpandangan bahawa **procession** dilihat lebih bertepatan dalam konteks Bahasa sasaran kerana lebih mencerminkan maksud yang dibawa oleh teks sumber apabila dipindahkan kepada teks sasaran dan menepati terjemahan unsur budaya sosial iaitu upacara ini. Pemilihan leksikal (*lexical choice*) yang lebih tepat membantu dalam menjelaskan mesej yang hendak disampaikan oleh teks sumber.

Jadual 4: Perarakan

No	Teks sumber	Teks sasaran (Google Translate)
4	قبل وصول القافلة بقليل، تسللنا أنا ونادية خفية إلى الصف الخلفي، ثم تراجعنا إلى الورا، ولما وصلت القافلة أمامنا بالضبط	Shortly before the <u>convoy</u> arrived, a hidden Nadia and I crept into the back row, then we pulled back, and just as the <u>convoy</u> arrived in front of us

Organisasi, Adat, Aktiviti, Tatacara dan Konsep

Kesemua unsur budaya yang berkaitan dengan kategori ketiga ini iaitu organisasi, adat, aktiviti, tatacara dan konsep meliputi aspek politik dan pentadbiran, kepercayaan dan konsep agama serta kesenian.

Konsep agama: bacaan doa

Jadual 5 menunjukkan terjemahan makna bagi *قراءة الأدعية* iaitu **reading prayers** yang dilakukan oleh aplikasi *Google Translate*. Didapati bahawa unsur budaya ini iaitu bacaan doa diterjemahkan secara **literal**. Merujuk kepada kamus dalam talian iaitu Merriam Webster, *reading prayers* (atau lebih tepat penggunaan dari sudut bahasa ialah *saying prayers*) bermaksud *an address (such as a petition) to God or a god in word or thought*. Namun, terdapat padanan makna yang lebih tepat untuk menjelaskan maksud *قراءة الأدعية* iaitu *saying prayers* (Merriam-Webster). Oleh itu, **saying prayers** lebih mencerminkan maksud yang dibawa oleh teks sumber apabila dipindahkan kepada teks sasaran dan menepati makna terjemahan unsur budaya yang mempunyai konsep agama ini. Pemilihan leksikal (*lexical choice*) yang lebih tepat membantu dalam penerangan maksud yang

hendak disampaikan oleh teks sumber. Sebagai contoh: said a *prayer* for the success of the voyage (berdoa supaya diberi kejayaan dalam pelayaran) (<https://www.merriam-webster.com/dictionary/prayer>). Begitu juga dengan contoh ini iaitu: *She told the children to say their prayers before they went to sleep* (membaca doa sebelum tidur).

Jadual 5: Bacaan Doa

No	Teks sumber	Teks sasaran (Google Translate)
5	في هذا الوقت، انشغلت أمهاتنا مع أنفسهن بقراءة الأدعية وترتيل سور من القرآن.	At this time, our mothers were busy <u>reading prayers</u> and reciting surahs from the Qur'an with themselves.

Aktiviti Pertanian dan Pengairan-Kincir Air

Jadual 6 menunjukkan terjemahan makna bagi *النواعير* iaitu **waterwheels** yang dilakukan oleh mesin terjemahan *Google*. Apa yang berlaku ialah unsur budaya ini iaitu pertanian dan pengairan diterjemahkan secara **literal**. Merujuk kepada kamus dalam talian iaitu Merriam-Webster, *waterwheel* bermaksud *a wheel made to rotate by direct action of water*. Walau bagaimanapun terdapat padanan makna yang lebih sesuai untuk menjelaskan maksud *النواعير* iaitu *norias: a Persian wheel of the bucket type* (Merriam Webster). Perkataan *النواعير* adalah jamak bagi *ناعورة* yang berasal daripada bahasa Sepanyol. Oleh itu, *Norias* lebih mencerminkan maksud yang dibawa oleh teks sumber apabila dipindahkan kepada teks sasaran dan menepati terjemahan unsur budaya ini. Pemilihan leksikal (*lexical choice*) yang lebih tepat membantu dalam penerangan maksud yang hendak disampaikan oleh teks sumber. Di samping itu, perluasan makna boleh dibekalkan bagi terjemahan *النواعير* iaitu **Norias (Persian wheels of the bucket type)**. Apa yang berlaku, unsur budaya ini yang mempunyai elemen Parsi telah dineutralkan dengan pemilihan leksikal *waterwheels* oleh *Google Translate* (GT).

Jadual 6: Kincir Air

No	Teks sumber	Teks sasaran (Google Translate)
6	بعيدا من البيت، في الجانب الآخر من البستان، تدور ساعات خشبية كبيرة اسمها <u>النواعير</u> ، تأخذ الماء من النهر وتسكبه في السواقي.	Away from the house, on the other side of the garden, large wooden clocks called <u>waterwheels</u> turn around that take water from the river and pour it into the waterways

Adat Kebiasaan: Pemakaian Henna

Jadual 7 menunjukkan terjemahan makna bagi *الحنة* iaitu **henna** yang dilakukan oleh aplikasi *Google Translate*. Unsur budaya ini iaitu adat kebiasaan diterjemahkan secara kaedah **peminjaman**. Merujuk kepada kamus dalam talian iaitu Merriam-Webster, *henna* bermaksud *a reddish-brown dye that is used especially on hair and in temporary tattoos and is obtained from the leaves of an Old World tropical shrub or small tree*. Kamus dalam talian *almaany* juga memberikan maksud yang sama iaitu zat warna merah yang didapati daripada daun pokok inai. Oleh itu, jika terjemahan *الحنة* dibekalkan perluasan makna dalam teks sasaran, sudah tentu lebih mencerminkan maksud yang dibawa oleh teks sumber apabila dipindahkan ke dalam teks sasaran. Begitu juga dengan ketepatan mesej yang hendak disampaikan oleh terjemahan unsur budaya yang melibatkan adat kebiasaan ini. Situasi ini turut membantu dalam mencapai kesan pembacaan dan kerelevanan teks terjemahan.

Jadual 7: *Henna*

No	Teks sumber	Teks sasaran (Google Translate)
7	والحنة يديها يا منولة	And henna on her hands O Manula

Pangkat: Panggilan Nama

Jadual 8 menunjukkan terjemahan makna bagi ست أثمار iaitu **Six fruits** yang dilakukan oleh aplikasi *Google Translate*. Apa yang berlaku ialah unsur budaya bagi panggilan nama ini diterjemahkan secara **literal** dan menyimpang daripada makna asal. Ini tidak dapat dielakkan kerana penggunaan e-Translasi seperti *Google Translate* (GT) dalam konteks ini terdedah kepada risiko penyelewengan makna teks sumber atau kehilangan makna. Apatah lagi apabila menterjemah unsur budaya secara khusus kerana melibatkan penelitian makna secara mendalam bagi mendekati jurang akibat daripada perbezaan budaya antara dua bahasa. Perkataan ست dalam kamus *almaany* merujuk kepada panggilan nama bagi perempuan yang bermaksud السيدة iaitu puan. Oleh itu, apa yang dimaksudkan oleh ست أثمار dalam teks sumber ialah Puan Athmar dan bukannya Six fruits seperti yang diterjemahkan oleh aplikasi *Google Translate*. Perluasan makna perlu dibekalkan dalam teks sasaran bagi menyampaikan mesej dengan jelas dan berkesan iaitu **Mrs. Athmar** (the title used before a surname or full name to address or refer to a married woman without a higher or honorific or professional title: Merriam-Webster).

Jadual 8: Panggilan Nama

No	Teks sumber	Teks sasaran (Google Translate)
8	بدت ست أثمار غاضبة هذه المرة على غير عاداتها، وتحدثت إلينا بحرقة وألم وهي توبخنا على خروجنا من المسيرة	Six fruits appeared angry this time, unlike her usual, and spoke to us with burning and pain as she rebuked us for leaving the march.

Organisasi: Institusi Pendidikan

Jadual 9 menunjukkan terjemahan makna bagi الصف الثالث الإبتدائي iaitu *third grade of elementary school* yang dilakukan oleh aplikasi *Google Translate*. Didapati bahawa unsur budaya organisasi pendidikan ini diterjemahkan secara **literal**. Merujuk kepada kamus dalam talian Merriam Webster, elementary school bermaksud *a school including usually the first four to the first eight grades and often a kindergarten*. Manakala dalam *almaany* pula bermaksud peringkat atau tahap pertama pembelajaran akademik dalam sistem pendidikan. Oleh itu, dalam konteks ini, *Google Translate* dapat membekalkan makna mesej yang ada dalam teks sumber ke dalam teks terjemahan dengan baik.

Jadual 9: Institusi Pendidikan

No	Teks sumber	Teks sasaran (Google Translate)
9	حين كنا صغيرتين، أعتقد حين كنا في الصف الثالث الإبتدائي، خرجت ذات مساء مع عائلتها في نزهة	When we were young, I think when we were in third grade of elementary school , she went out one evening with her family for a walk

Kepercayaan (Agama Islam)

Jadual 10 menunjukkan terjemahan makna bagi الألف لام ميم iaitu **the alif lam mim** yang dilakukan oleh mesin terjemahan *Google*. Unsur budaya bagi kepercayaan (agama Islam) ini diterjemahkan secara

pendekatan **peminjaman**. الألف لام ميم merujuk kepada permulaan ayat pertama surah al-Baqarah dalam al-Quran yang dibaca oleh Qari. Penulis berpandangan bahawa perluasan makna iaitu **the alif lam mim (the beginning of one sura of 114 suras in the Holy Quran)** perlu dibekalkan bagi terjemahan ini agar lebih menjelaskan maksud yang dibawa oleh teks sumber apabila dipindahkan kepada teks sasaran, di samping menepati terjemahan unsur budaya kepercayaan iaitu agama Islam. Ini juga dapat membantu mencapai kesan pembacaan terhadap teks yang diterjemahkan dengan lebih baik. Jika sebaliknya berlaku, kekaburan dan terjemahan yang kurang akan wujud dalam teks sasar tersebut bagi unsur budaya ini.

Jadual 10 Bacaan Surah: Alif Lam Mim

No	Teks sumber	Teks sasaran (Google Translate)
10	كان الموت إصغاء جماعيا لصوت عبد الباسط عبد الصمد وهو يرتل الألف لام ميم	Death was a collective listening to Abd al-Basit Abd al-Samad's voice chanting the <u>alif lam mim</u>

Perbincangan Kajian

Hasil analisis mendapati beberapa isi penting yang perlu diberi perhatian sewajarnya apabila menggunakan *Google Translate* (GT) khususnya melibatkan penterjemahan makna unsur budaya seperti yang dibincangkan di atas iaitu:

- 1) berkaitan pendekatan terjemahan yang digunakan oleh (GT), data-data tersebut diterjemahkan secara literal serta kaedah peminjaman yang mempunyai keterbatasan dan kekangan tertentu.
- 2) data terpilih yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris tidak diberikan perluasan makna. Oleh itu, kerelevanan teks terjemahan tidak dapat dicapai sepenuhnya disebabkan terjemahan yang dihasilkan kurang atau tidak mempunyai kesan kepada budaya teks sasaran yang mempunyai jurang dan kelainan budaya.
- 3) terjemahan merupakan satu usaha yang dibuat oleh penterjemah bertujuan menghasilkan komunikasi berkesan antara teks sumber dan teks sasaran. Namun, sebaliknya yang berlaku apabila mesej yang terkandung dalam teks sumber tidak dapat dipindahkan dengan tepat dan jelas sehingga wujud kekaburan dan terjemahan yang kurang pada makna unsur budaya yang diterjemahkan ke dalam budaya bahasa sasaran.
- 4) berlaku penyelewengan makna bagi terjemahan unsur budaya kerana *Google Translate* (GT) mempunyai kekangan dan batasan dalam mengenal pasti makna berdasarkan konteks. Ini membawa kepada kehilangan makna sebenar yang dimaksudkan oleh teks sumber. Justeru, wujud jurang terhadap tahap kesan antara teks sumber dengan teks sasaran.
- 5) pemilihan leksikal juga penting bagi memastikan makna unsur budaya yang diterjemahkan ini tidak canggung dan tepat penggunaannya dari sudut bahasa budaya sasaran. *Google Translate* (GT) berhadapan dengan masalah ini dan tidak mampu membekalkan makna leksikal yang lebih tepat disebabkan pendekatan literal yang digunakan.
- 6) Penterjemahan makna unsur budaya dengan menggunakan *Google Translate* menghilangkan nilai estetika budaya yang ada pada teks sumber dengan meneutralkannya dalam teks sasaran. Situasi ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada mesej yang hendak disampaikan kepada budaya bahasa sasaran.

Kesimpulan

Aplikasi e-Translasi hakikatnya merupakan pilihan kebanyakan penterjemah kerana amat membantu dalam melaksanakan tugas mereka. Aplikasi *Google Translate* (GT), terutamanya, mudah diakses, pantas dan memberikan pilihan pelbagai jenis Bahasa. Walau bagaimanapun, penterjemah tidak boleh

bergantung seratus peratus kepada aplikasi GT kerana hasil terjemahan yang dihasilkannya ada kalanya tidak menepati kehendak teks sumber, terutamanya dalam terjemahan unsur budaya.

Oleh itu, penggunaan GT secara langsung tanpa proses semakan dan penyuntingan terutamanya apabila melibatkan unsur budaya tidak dapat menghasilkan impak terjemahan yang berkesan terhadap pembaca sasaran. Hal ini kerana unsur budaya lazimnya khusus kepada sesebuah masyarakat dan mungkin tidak difahami dengan jelas oleh masyarakat lain.

Oleh itu, pemindahan makna unsur budaya perlu dilakukan dengan teliti sekiranya penterjemah menggunakan aplikasi e-Translasi. Terjemahan literal mungkin boleh menyebabkan unsur budaya bahasa sumber tidak dapat difahami dengan baik, malah mungkin boleh menyebabkan kehilangan makna atau pun menimbulkan kekeliruan dan salah faham sekiranya tidak ditangani dengan baik. Teknik peminjaman pula perlu kepada teknik perluasan untuk menjelaskan maksud sebenar unsur budaya tersebut.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan USIM kerana memberi dana bagi menjalankan kajian ini melalui Geran Penyelidikan USIM (kod projek: PPPI/FPBU/0118/051000/16718)

Rujukan

- Cho Minsung & Puteri Roslina Abdul Wahid. (2016). Penterjemahan Budaya Bukan Kebendaan Dalam Teks Terjemahan Bahasa Korea-Bahasa Melayu. *Jurnal Melayu*, 2, 160-175.
- Furqanul Aziez & Kosadi Hidayat. (2019). Pengaruh Penggunaan Google Translate Terhadap Kualitas Terjemahan Mahasiswa PSM PBSI UMP. *METAFORA*, 5(2), 88-103.
- Ghazala, Hasan. (2015). *Translating Culture: A Textbook*. Saudi Arabia: Konooz Al-Marifa.
- Ika Suzainna Let & Rohaidah Kamarudin. (2018). Penterjemahan Unsur Budaya dalam Bahasa Kiasan daripada Lagu Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu. *Jurnal Kesidang*, 3, 1-8.
- Imran Ho. (2003). Teknologi Terjemahan untuk Pendidikan dalam Era Globalisasi dan Ekonomi Berasaskan Ilmu. Dalam himpunan *Kertas Kerja Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-9*, Anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Kamus dalam talian - Almaany. <https://www.almaany.com/>
- Kamus dalam talian - Merriam Webster. <https://www.merriam-webster.com/dictionary/dictionary>
- Lubna Abd Rahman & Arnida A Bakar. (2018). Terjemahan Teks melalui Google Translate (GT): Analisis Tugas Pelajar FPBU. Dalam *Prosiding Seminar Terjemahan dan Interpretasi Antarabangsa*. Pulau Pinang: USM, hlm. 74-82.
- Mohamad Nor Amin Samsun Baharun dan Naimah Abdullah. (2011). *Kesilapan Terjemahan bahasa Arab-bahasa Melayu dalam Ejen Carian Google: Satu Kajian Semantik*. Dalam *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-13*, Globalisasi melalui Penterjemahan: Pemangkin Kecemerlangan Ilmu dan Teknologi, hlm. 1-12.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. United Kingdom: Prentice Hall International (UK) Limited.
- Nida, E. A. (1975). *Exploring Semantic Structures*, München: Fink.
- Nur Naimah Akmar Kamaruddin & Harun Baharudi. (2016). *Penggunaan Google Translate dalam Aktiviti Terjemahan Kata Arab*. Selangor: Persatuan Intelektual Muslim Malaysia, hlm. 274-279.
- Nurul Syafiqah Daud & Wan Rose Eliza Abdul Rahman. (2018). *Isu-isu Penggunaan Google Translate dalam Penterjemahan Cerpen The Lottery ke dalam Bahasa Melayu*. Dalam *Prosiding Seminar Terjemahan dan Interpretasi Antarabangsa*. Pulau Pinang: USM, hlm. 66-73.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2012). *Meneroka Penterjemahan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Shahad al-Rawi. (2016). *Saa'ah Baghdad: Riwayah*. London: Dar al-Hikmah.